

SKIM PEMBIAYAAN PENDIDIKAN YPM (SPIN) PANDUAN MENGISI BORANG PERMOHONAN

A. PROSES PERMOHONAN

1. Pakej Permohonan Skim Pembiayaan Pendidikan YPM (SPIN) boleh diperolehi dari institusi pengajian tinggi (IPT) dimana pemohon / pelajar menuntut *(Nota). Setiap Pakej Permohonan mengandungi :

YPM/PEMB/SPIN/MK-01;Pind08	Panduan Mengisi Borang Permohonan
YPM/PEMB/SPIN/MK-02;Pind08	Maklumat Kadar, Syarat dan Tatacara Pemilihan
YPM/PEMB/SPIN/BR-01;Pind08	Borang Permohonan Skim Pembiayaan dan Bantuan YPM (SPIN)
YPM/PEMB/SPIN/BR-02;Pind08	Senarai Semak Permohonan
YPM/PEMB/SPIN/BR-03;Pind08	Surat Akuan Pengesahan Pendapatan

* NOTA: Pemohon boleh memuat turun borang permohonan dari Laman Web YPM (www.ypm.org.my)

2. Pemohon hendaklah mengisi dengan lengkap dan betul setiap maklumat yang diperlukan dalam Borang Permohonan Skim Pembiayaan Pendidikan YPM (SPIN), YPM/PEMB/SPIN/BR-01;Pind08
3. Borang Permohonan ini juga hendaklah diisi dengan menggunakan HURUF BESAR.
4. Pemohon hendaklah menyediakan semua salinan dokumen yang berkenaan seperti tersenarai dalam Senarai Semak (YPM/PEMB/SPIN/BR-01;Pind08) dan setiap salinan dokumen telah DISAHKAN BENAR.
5. Borang Permohonan yang telah lengkap diisi berserta dokumen-dokumen yang berkaitan hendaklah dihantar kepada YPM MELALUI INSTITUSI masing-masing sebelum tarikh yang telah ditetapkan.

PERINGATAN : HANYA PERMOHONAN YANG LENGKAP SAHAJA AKAN DIPROSES.

B. MAKLUMBALAS PERMOHONAN

Pemohon yang berjaya akan dimaklumkan secara rasmi melalui pihak institusi masing-masing.